

17/05/1999

Proton jangka jualan kereta meningkat

Hatipah Ahmad

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton) menjangka penjualan kereta keluarannya meningkat kepada 15,000 unit sebulan menjelang akhir tahun ini, berikutan kelonggaran syarat pembiayaan dan peningkatan mutu kenderaan secara amnya.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata jualan kereta keluaran Proton sudah meningkat kepada 13,000 unit bulan lalu berbanding purata 9,000 unit sebulan pada akhir 1998.

Berikutan peningkatan jualan itu, penguasaan pasaran kereta Proton berjaya ditingkatkan daripada 64 peratus pada akhir 1998 kepada 71 peratus pada awal 1999.

Selain itu, Saleh berkata, sehingga April 1999, Proton sudah mengeksport hampir 188,000 unit kereta ke 50 negara, dengan eksport tertinggi ke United Kingdom berjumlah kira-kira 118,000 unit yang mewakili 63 peratus daripada jumlah eksport.

Dua negara lain yang mengimport lebih dari 14,000 unit kereta Proton ialah Singapura dan Jerman, manakala Australia pula sudah mengimport 10,000 unit kereta.

Mengenai model baru, beliau berkata Proton akan mengeluarkan satu model baru bagi menambah koleksi tujuh model keluarannya pertengahan tahun depan.

Saleh berkata ketika ini, pihaknya sedang mengusahakan dengan giat beberapa kerja penyesuaian di peringkat kilang pengeluaran komponen bagi rancangan pengeluaran komponen kereta model baru itu.

Pihaknya yakin model baru itu akan mendapat sambutan yang baik berdasarkan daripada perkembangan pasaran kereta penumpang dalam negara yang semakin pulih, kini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai pentingnya kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang baru dilancarkan di kilang Proton di Shah Alam, kelmarin dengan model baru itu.

Katanya, kemudahan R&D yang serba canggih amat diperlukan dalam pembangunan sesuatu model.

"Mengikut anggaran, kerja R&D sesuatu model menelan belanja kira-kira RM1 bilion termasuklah perbelanjaan kira-kira 35 peratus untuk penyediaan peralatan pengeluaran seperti die dan jig, serta 28 peratus lagi untuk pembekalan peralatan kepada syarikat vendor," katanya dalam ucapannya pada pelancaran kemudahan R&D Proton di Shah Alam, kelmarin.

Kemudahan R&D itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai kegiatan R&D Proton, Saleh berkata, operasi R&D Proton bermula pada 1980'an dengan pejabat reka bentuk di Jalan Stonor, Kuala Lumpur dan apabila operasi Proton dipindahkan ke Shah Alam, operasi R&D dikekalkan di situ sehingga 1993.

Sehingga kini, Proton sudah melabur sejumlah RM261 juta bagi operasi R&D. Ketika ini, operasi R&D mempunyai 300 kakitangan dan bahagian itu bekerjasama dengan beberapa agensi penyelidikan dalam dan luar negara.

(END)